

PEMBUDAYAAN NILAI ISLAM DALAM REKABENTUK RUMAH TRADISIONAL MASYARAKAT MELAYU

Oleh

Mohd. Nazaruddin Yusoff
Fakulti Pengurusan Awam dan Undang-undang

Dr Muhamad Khairul Anwar Osman
Mohamad Khadafi Hj Rofie
Mohd. Nizho Abdul Rahman
Azman Md Zain
Fakulti Sains Kognitif dan Pendidikan

ABSTRAK

Kertas kerja ini memfokuskan pembudayaan nilai Islam dalam rekabentuk rumah tradisional Melayu. Bagi masyarakat Melayu yang sinonim dengan Islam, rumah adalah harta, tempat perlindungan dan tempat menetap untuk pengibadatan di dunia. Justeru ia dibina dengan mengutamakan aspek-aspek keselesaan, keselamatan dan penuh dengan kesenian yang melambangkan keunikan masyarakat Melayu yang berteraskan kebudayaan Islam. Selain itu, struktur rumah Melayu juga menerapkan unsur-unsur syariat Islam seperti pengasingan antara lelaki dan perempuan seperti di bilik tidur, anjung, rumah ibu dan sebagainya. Justeru itu, kertas kerja ini mengupas secara keseluruhan rekabentuk rumah Melayu tradisional serta mengaitkannya dengan pengaruh alam Melayu dan syariat Islam. Untuk itu, kertas kerja ini menyarankan agar aspek keselesaan dan kemudahan rumah Melayu tradisional sewajarnya dijadikan contoh bagi rekabentuk rumah Melayu pada hari ini.

Pengenalan

Firman Allah Taala yang bermaksud:

Dan Allah menjadikan bagi kamu rumah-rumah yang kamu dirikan itu tempat tinggal dan menjadikan bagi kamu dari kulit binatang-binatang ternak khemah (tempat berteduh) dan menjadikan bagi kamu berbagai barang perkakas rumah dan perhiasan (untuk kamu menggunakannya ke suatu masa)

(Surah al-Nahl 16: 80)

Rumah adalah salah satu anugerah Allah yang amat tinggi nilainya kepada manusia di dunia. Manusia sememangnya memerlukan rumah sebagai tempat perlindungan. Selain itu rumah bagi seseorang muslim merupakan tempat untuk beribadat kepada Allah.

Sabda Rasulullah S.A.W yang bermaksud:

Ada tiga pencapaian yang membanggakan seseorang muslim di dunia , salah satu darinya mempunyai rumah yang luas dan selesa.

(Riwayat Al-Thabrani)

Memiliki sebuah rumah yang baik serta selesa adalah menjadi idaman setiap manusia. Oleh itu setiap manusia akan cuba membina rumah mengikut citarasa dan keselesaan mereka. Senibina rekabentuk rumah tradisional masyarakat Melayu adalah begitu unik di mana rekabentuk binaannya banyak dipengaruhi oleh cara hidup, agama, ekonomi, iklim dan persekitaran.

Secara kebiasaannya rumah tradisional masyarakat Melayu dibina daripada bahan yang mudah diperolehi dari kawasan sekeliling. Rekabentuknya dibuat sedemikian rupa agar ia bersesuaian dengan iklim tempatan. Bentuk bumbung yang panjang serta curam menjadi pilihan. Ini adalah kerana bumbung curam dapat mengalirkan air dengan cepat sesuai dengan keadaan iklim yang panas serta lembab sepanjang tahun. Senibinanya pula mempunyai hubungan yang agak erat dengan cara hidup penghuninya. Rekabentuk rumah-rumah tradisional Melayu khususnya di rantau Asia Tenggara mempunyai keunikan-keunikan tertentu dan ia boleh dilihat dari aspek kepercayaan agama, sosial, iklim dan keselesaan penghunian yang menekankan aspek-aspek kebudayaan Islam.

Pembudayaan Berkonsepkan Kepercayaan Agama

Masyarakat Melayu biasanya beragama Islam. Justeru itu, konsep Islam diterapkan di dalam rekabentuk dengan membuat orientasi kedudukan rumah secara menghala ke arah Timur-Barat. Ini adalah salah satu identiti orang-orang Melayu yang sangat mementingkan unsur-unsur keagamaan kerana rekabentuk seperti ini akan memudahkan penghuni serta tetamu mengetahui arah kiblat bagi melakukan ibadat solat. Mereka juga memahami bahawa setiap perkara yang baik itu diberi ganjaran oleh Allah walaupun hasilnya tidak seberapa. Perkara ini dinyatakan oleh Allah dalam al-Quran yang bermaksud:

Maka sesiapa yang berbuat kebajikan sebesar zarah, nescaya akan dilihatnya(dalam surat amalnya)

(Surah al-Zalzalah 30: 7)

Ganjaran ini menyebabkan mereka berlumba-lumba melakukan kebajikan walaupun hanya untuk memudahkan tetamu mengetahui arah kiblat sematamata. Selain itu terdapat keistimewaan terhadap reka bentuk dan kedudukan rumah yang menghala ke arah timur dan barat yang membolehkan cahaya matahari sampai ke dalam ruang rumah terutamanya sinaran matahari pagi yang memberi manfaat kesihatan kepada tubuh badan manusia. Perkara ini juga difahami melalui penghayatan mereka terhadap kebaikan dan manfaat waktu pagi yang digambarkan dalam surah al-Dhuha yang memberi penekanan betapa penting waktu pagi. Sebaliknya cahaya matahari petang pula dapat dielakkan kerana dipercayai membawa penyakit kepada tubuh. Selain itu, di dalam rumah Melayu juga terdapat ruang khas yang disediakan kepada tetamu untuk digunakan sebagai tempat istirehat dan menunaikan solat.

Konsep memuliakan tetamu ini diterapkan daripada ajaran Islam berdasarkan kisah Nabi Ibrahim yang menghormati tetamu sepertimana yang dijelaskan di dalam al Quran yang bermaksud:

“Sudahkah sampai kepada kamu wahai (Muhammad) cerita tentang tetamu Ibrahim (Malaikat-malaikat) yang dimuliakan, ketika mereka masuk kerumahnya dan mengucapkan selamat dan Ibrahim menjawab selamat dan kamu adalah orang-orang yang tidak dikenali, Maka dia pergi dengan diam-diam menemui keluarganya kemudian dibawanya daging anak sapi yang gemuk (yang dibakar), lalu dihidangkan kepada mereka dan Ibrahim berkata silalah kamu makan ”.

(al-Zaariyat 27 : 24-27).

Selain itu memuliakan tetamu juga telah ditekankan oleh junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w sepertimana sabda baginda yang bermaksud:

“Sesiapa di antara kamu yang beriman dengan Allah dan hari akhirat maka hendaklah kamu memuliakan tetamu”

(Riwayat Bukhari).

Selain itu, masyarakat melayu memang perihatin dengan tuntutan Islam yang telah memberi garis panduan untuk umatnya membina rumah, antaranya:

- i. Rumah yang dibina mencukupi keperluan dan mempunyai bilik yang cukup untuk suami isteri, anak-anak dan tetamu.
- ii. Memilih tempat dan jiran yang baik bagi memberi ketenangan hidup sesebuah rumah tangga

Sabda Rasulullah S.A.W yang bermaksud:

Pilihlah jiran sebelum membina rumah

- iii. Menghiasi rumah sesuai dengan kehendak Islam


Selain daripada itu, syariat Islam juga mempunyai kaedah tertentu ketika membina dan memasuki rumah baru. Kebiasaannya orang alim atau imam masjid akan dijemput oleh tuan rumah untuk membaca yasin, doa serta mengadakan kenduri kesyukuran. Perkara ini telah dijelaskan di dalam al Quran ketika Nabi saw tiba di madinah Baginda disuruh berdoa agar ditempatkan

ditempat yang baik dan berkat. Firman Allah s.w.t yang bermaksud:


“Dan berdoalah: Ya Allah Ya Tuhanku, tempatkan aku pada tempat yang diberkati dan engkau adalah sebaik-baik yang memberi tempat”.

(al-Mukminun 18 : 29)

Menurut kitab Melayu lama Tajul Muluk, sebelum membina rumah pemilik harus meneliti samada tempat berkenaan bersih dari makhluk halus. Air dalam bekas berisi bunga serta sekeping syiling emas perlu diletakkan di atas tapak rumah. Sekiranya air tersebut berkurangan maka tapak tersebut tidak sesuai dijadikan tapak rumah dan begitulah juga sebaliknya. Sekiranya tapak tersebut sesuai maka tiang seri perlulah dinaikkan dahulu oleh penghuni atau ketua rumah.



RAJAH 1 Orientasi Kedudukan rumah mengadap Kiblat



- A : Anjung
- B : Serambi
- C : Rumah Ibu
- D : Kelek anak
- E : Dapur

RAJAH 2 Ruang dalaman rumah

Pembudayaan Berkonsepkan Sosial Masyarakat

Masyarakat Melayu dahulu memang dikenali sebagai masyarakat yang sangat berpegang teguh kepada ajaran agama serta mengambil berat akan keadaan masyarakat di sekelilingnya. Mereka juga sering dikaitkan dengan kepercayaan

adat resam yang kuat sehingga ada pepatah Melayu menyebut “biar mati anak jangan mati adat”. Rekabentuk rumah tradisional masyarakat Melayu juga mengambil kira batas-batas pergaulan serta hubungan adat di antara lelaki dan perempuan. Aspek ini bersesuaian dengan syariat Islam yang membataskan pergaulan di antara anak lelaki dan perempuan.

Ini dibuktikan oleh hadis Rasulullah S.A.W yang bermaksud;

“Ajarkanlah anak kamu solat apabila mereka berumur tujuh tahun, pukullah mereka (jika enggan menunaikan solat) apabila berumur sepuluh tahun dan pisahlah antara tempat tidur mereka (anak lelaki dan perempuan)”.

(Riwayat Abu Daud)

Syariat Islam mewajibkan bilik tidur di antara anak lelaki dan perempuan diasingkan bertepatan dengan mafhum hadis di atas. Ia bertujuan mengelakkan daripada berlakunya perkara-perkara yang tidak diingini seperti sumbang mahram dan sebagainya. Selain itu, pengasingan bilik juga memudahkan urusan seharian yang berbeza jantina seperti menyalin pakaian dan sebagainya. Keadaan bilik di rumah Melayu juga mempunyai kelengkapan pelantar air apabila berlakunya kematian untuk memandikan jenazah (mayat). Begitu juga apabila berlaku sesuatu kelahiran, pelantar air digunakan untuk kemudahan menyuci dan bertangas.

Selain itu, konsep ruang tamu rumah Melayu juga mempunyai ciri-ciri keislaman, dimana terdapat pemisahan bagi tetamu lelaki dan perempuan. Ruang beranda atau serambi lazimnya menjadi tempat bagi kaum lelaki berhimpun sebaliknya ruang tamu dan dapur untuk kaum wanita berbual-bual dan menyediakan hidangan. Oleh hal demikian,, ruang *serambi* akan dibina bagi menempatkan tetamu lelaki sementara ruang dapur atau rumah ibu pula adalah untuk menempatkan kaum perempuan. Terdapat hadis baginda Rasulullah S.A.W yang menyeru agar dibataskan pergaulan antara lelaki dan perempuan.

Allah S.W.T telah berfirman di dalam al Quran yang bermaksud;

“...apabila kamu meminta sesuatu hajat kepada isteri-isteri nabi itu, hendaklah minta dari balik dinding (hijab). Demikian itu lebih menyucikan hatimu dan hati mereka...”

(al-Ahzab 21: 53)

Tempayan atau guri diletakkan di setiap anak tangga samada tangga di serambi atau tangga di dapur. Tujuannya adalah untuk mencuci kaki sebelum menaiki atas rumah. Ini menggambarkan bahawa masyarakat Melayu amat mementingkan kebersihan diri dan rumah. Selain itu, binaan pintu rumah Melayu juga menunjukkan budi bahasa serta adat sopan orang-orang Melayu yang menghormati tuan rumah. Sebagai contoh, rumah Melayu Minangkabau di Negeri Sembilan yang mempunyai pintu rendah supaya tetamu perlu menundukkan kepala apabila memasuki rumah. Ini dengan sendirinya seolah-olah tetamu tunduk menghormati tuan rumah yang dikunjunginya.

Rumah Melayu juga memisahkan bilik air dan tandas daripada struktur rumah. Ini bertepatan dengan ciri-ciri senibina Islam yang memisahkan kedua-dua struktur binaan tersebut. Contohnya binaan masjid atau surau yang memisahkan antara struktur masjid daripada tandas atau bilik air. Agama Islam menganjurkan supaya umatnya menjaga kebersihan dan ini bertepatan dengan sabda Rasulullah S.A.W yang bermaksud;

"Kebersihan sebahagian daripada iman."

(Riwayat Muslim)

Sehubungan itu, tandas adalah suatu tempat qada hajat dan ianya adalah jijik dan merupakan tempat bagi syaitan berhimpun. Bentuk binaan tandas Melayu juga menepati tuntutan syariat antaranya tidak mengadap kiblat dan tidak membelakangi kiblat, mestilah tertutup dari pandangan umum, mengelakkan bau busuk, jauh daripada saluran atau sungai, jauh daripada rumah atau penempatan umum.

Kebanyakan rekabentuk rumah tradisional masyarakat Melayu tidak mempunyai bahagian-bahagian atau bilik-bilik khas tetapi hanya menggunakan sekatan bagi memisahkan di antara satu bahagian dengan lain. Bahagian-bahagian rumah melayu biasanya terdiri daripada *anjung*, *serambi*, *rumah ibu*, *kelek anak dan dapur*. Ruang-ruang ini biasanya dibina besar kerana masyarakat Melayu sangat mementingkan ruang yang lebih selesa bagi tujuan majlis-majlis keramaian, kenduri-kendara serta majlis-majlis keagamaan.

Pembudayaan Berkonsepkan Iklim

Bagi masyarakat Melayu di Malaysia, Indonesia dan Selatan Thailand konsep rekabentuk rumahnya adalah hampir sama kerana terletak di kawasan garisan beriklim khatulistiwa. Bumbung rumah dibina curam dengan kecerunan 40 ° hingga 50 ° bagi mempercepatkan aliran air hujan. Cucur atap akan dibina memanjang keluar melebihi bahagian rumah bagi mengelakkan hujan dari memasuki ke dalam rumah. Ia juga berfungsi untuk melindungi kemungkinan kerosakan pada bahagian-bahagian dinding dan tingkap-tingkap rumah.

Negara beriklim khatulistiwa akan mengalami musim tengkujuh yang akan menyebabkan banjir. Oleh itu, struktur binaan tiang rumah akan ditinggikan bagi mengelakkan air masuk ke dalam rumah sekiranya banjir. Struktur rumah yang tinggi pula pada masa yang sama akan dapat mengelakkan gangguan binatang-binatang buas dan berbisa. Masyarakat Melayu pada zaman dahulu biasanya menjadikan kawasan bawah rumah sebagai ruang menempatkan binatang ternakan seperti lembu, kerbau, kambing dan sebagainya. Struktur rumah yang tinggi juga membolehkan penghuni menyediakan bara sabut kelapa pada waktu malam bagi memanaskan badan ternakan mereka di samping dapat menakutkan binatang-binatang buas dari membaham binatang-binatang ternakan. Menurut ajaran Islam, setiap umatnya disuruh menjaga diri dan keluarganya daripada ancaman dan perkara yang merbahaya.

Ini bertepatan dengan firman Allah s.w.t yang bermaksud,

“Janganlah kamu mencampakkan diri kamu ke dalam kebinasaan”.
(al-Baqarah 2 : 195)

Pembudayaan Yang Menekankan Aspek Keselesaan

Peredaran udara yang baik serta bersih amat dititikberatkan di dalam pembinaan rumah Melayu bagi memastikan tahap keselesaan penghuni diperolehi secara optimum. Maka dalam rekabentuk ini masyarakat Melayu telah menitikberatkan aspek bukaan pada rumah agar ia dapat memastikan pergerakan udara masuk dan keluar dengan baik.

Pembinaan bumbung biasanya akan ditinggikan dengan mengadakan bukaan yang mencukupi pada *tibar layar* bagi memudahkan kemasukan angin. Tingkap dan pintu biasanya dibina dengan lebar dan memanjang dari paras lantai sehinggalah ke paras siling bagi mendapatkan bukaan yang maksimum.

Bukaan secara ukiran kerawang pula akan dihasilkan pada bahagian atas tingkap dan pintu. Ia bertujuan untuk membenarkan peredaran udara yang baik pada waktu malam ketika bukaan-bukaan lain telah ditutup. Jerejak pada bahagian tingkap dan kerawang di bahagian atas tingkap ini adalah unik dan cantik dengan mempamerkan seni ukiran tersendiri yang menonjolkan kehalusan seni binaan Melayu.

Struktur tiang rumah yang tinggi pula adalah bertujuan untuk membenarkan pergerakan udara yang baik di bahagian bawah rumah kerana udara dapat mengalir dengan baik melalui celah-celah lantai. Di samping itu juga, ia akan menjadikan struktur rumah lebih tinggi dan menjadikan penghuni merasa lebih selamat, selesa dan "privacy" dari pandangan ramai. Sesungguhnya ukiran tersebut memapar kesenian dan kecantikan rumah melayu.

Sabda baginda Rasulullah S.A.W yang bermaksud,

“Sesungguhnya Allah itu cantik dan Allah menyukai kecantikan”.
(Riwayat Muslim)


Kayu merupakan bahan utama penghasilan rumah tradisional Melayu. Dari segi keselesaan, binaan daripada *kayu* mempunyai tahap penyerapan haba yang rendah. Dengan demikian, ia dapat mengurangkan haba di dalam rumah dan seterusnya menjadikan penghuni merasa lebih selesa.

Struktur bumbung yang dihasilkan daripada daun *nipah*, diikat dengan rotan nipis. Daun nipah senang diperolehi dan tahan lebih lama serta dapat mengurangkan penyerapan haba secara optima daripada sinaran matahari. Terdapat juga rumah-rumah Melayu, dinding dan tingkapnya diperbuat daripada *buluh* yang dianyam dipanggil *pelupuh*. Rumah sebegini dapat dilihat di kawasan


yang mudah mendapat bekalan *buluh*.

Masa kini, masyarakat Melayu telah menggantikan atap *nipah* kepada atap *zink* dan *genting* yang mudah diperolehi di pasaran. Pemilihan bahan ini adalah kerana sifatnya yang tahan lebih lama. Namun begitu, keselesaan di dalam rumah menjadi semakin berkurangan kerana bahan-bahan tersebut adalah penyerap dan pembebas haba yang baik. Haba yang diserap oleh atap-atap berkenaan dibebaskan semula ke dalam ruang dalaman rumah dan menjadikan penghuni merasa kurang selesa.


Kecuraman bumbung juga dapat menghasilkan satu ruangan isipadu yang besar untuk pertukaran udara secara berkesan. Udara panas dalaman akan bergerak dengan lebih cepat ke atas dan digantikan semula oleh udara sejuk bagi menjadikan ruang dalaman lebih nyaman.



RAJAH 3 Aliran angin melalui bukaan pada rumah



RAJAH 4 Aliran angin masuk ke dalam rumah melalui, Tibar Layar, Kerawang dan Jerejak



RAJAH 5 Konsep 'Privacy', mengelakkan pandangan dari luar

Lanskap


Sabda Nabi S.A.W yang bermaksud:

Bersihkanlah (hiaskanlah dengan Lanskap) perkarangan rumahmu dan jangan tiru orang Yahudi(yang tidak mahu membersihkan kawasan rumah-rumah mereka)


(Riwayat Al- Tarmizi)

Menanam pokok di halaman dan di sekeliling rumah telah menjadi amalan masyarakat melayu. Pelbagai jenis pokok biasanya ditanam seperti pokok buah-buahan, bunga-bunga dan herba. Pokok-pokok yang ditanam ini kadangkala berfungsi sebagai penanda *perenggan* yang membezakan sempadan tanah dengan orang lain. Maka pagar tidak perlu di kawasan rumah mereka. Namun, atas dasar saling bersefahaman, jiran tetangga masih mengetahui kawasan rumah masing-masing.

Pokok-pokok yang ditanam di sekitar rumah pula akan berfungsi sebagai penghalang pancaran sinaran matahari dari sampai ke rumah secara terus. Pokok-pokok ini akan membebaskan wap air yang akan menyejukkan kawasan sekitar rumah dan halaman. Udara sejuk akan dialirkan ke dalam rumah secara tekanan terma. Pokok yang ditanam berdekatan secara deretan pula akan menyebabkan berlakunya penumpuan angin. Pergerakan angin akan dapat ditumpukan ke dalam rumah dan ini akan memberikan keselesaan kepada penghuni.



RAJAH 6 Pokok-pokok menghalang sinaran matahari secara terus ke rumah



RAJAH 7 Udara sejuk dari kawasan hijau bergerak ke rumah secara tekanan terma

Kesimpulannya, dapat dikatakan bahawa rekabentuk pembinaan rumah tradisional Melayu yang dibina oleh tukang-tukang terdahulu mempunyai senibina yang unik. Namun begitu terdapat juga unsur pinjam-meminjam dalam seni bina hasil daripada pengaruh yang dibawa oleh Tamadun-tamadun Asia dan Islam ke Alam Melayu. Walau bagaimanapun tidak dapat dinafikan ukiran-ukiran yang dibuat pada *dinding*, *tiang*, *kerawang* dan sebagainya menunjukkan kehalusan seni pertukangan bangsa Melayu. Aspek-aspek keagamaan dan keselesaan sangat dipentingkan dalam senibina rekabentuknya. Ciri-ciri senibina rumah tradisional Melayu ini seharusnya diterapkan dalam pembinaan rumah-rumah moden masa kini demi menjaga tuntutan agama dan kebudayaan masyarakat.

Rujukan

Al-Quran Dan Terjemahannya, (1990) *Mujamma'*. al-Malik al-Fahd, Madinah al-Munawwarah: Saudi Arabiyya

Ibnu Hajar, Ahmad bin Ali (1993) *Fath al-Bari Syarah Sohih al-Bukhari*. Bayrut : Dar al-Fikr

Al-Nawawi, Abu Zakariyya Mahy al-Din ibn Sharaf. (1994) *Sahih Muslim Bi Sharh al-Nawawi*. Al-Qahirah: Dar al-Hadith.

Al-Tabrani, Sulaiman ibn Ahmad. (1983) *al-Mu'jam al-Kabir*. al-Qahirah:Maktabah Ibn al-Taimiyyah.

Al-Tirmidzi, Muhammad ibn Isa ibn Surah. (1980) *al-Jami' al-Sahih Sunan al-Tirmidzi*. Bayrut: Dar al-Fikr.

Al-Jawziyyah, Ibn Qayyim. (1990) *Aun al-Ma'bud Sharah Sunan Abi Daud*. Bayrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Abdul Azim al-Munziri t.th, *Kitab Tajul Muluk: al-Mursak bi anwaaii durar wa jawahir manzuumaati* (terjemahan) Tuan Hassan Besut Ibn Almarhum Tuan Ishak Pattani, Pulau Pinang: Pustaka Maarif Sdn Bhd.

A.H. Nasir, Wan Hashim(1994) *Rumah Melayu Tradisi*, Fajar Bakti.

Gibbs.P(1987) *Building a Malaysia House*, Oxford University Press.

Killman,Wulf(1994) *Restoring & Reconstructing the Malay Timber House*, Forest Research Institute.

Lim,Jee Yuan (1987) *The Malay House:Reiscovering Malaysia's Indegenous Shelter system*, Institut Masyarakat.

Zulkifli Hanafi (1996) *Pembinaan Bangunan Tradisional Melayu*, Amber Solara Publication.